

Tarikh : \_\_\_\_\_ (Untuk diisi oleh Cawangan)

**[Sila baca Lembaran Maklumat Program ini bersama-sama dengan terma dan syarat umum program ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran program pembiayaan Program Modernisasi Rantaian Nilai Agromakanan]**

**Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ('Bank') jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma umum dalam dokumen ini.**

**1. Apakah program ini?**

Program Modernisasi Rantaian Nilai Agromakanan bertujuan untuk membiayai perbelanjaan modal (CAPEX) dan / atau perbelanjaan operasi (OPEX) kepada usahawan warganegara Malaysia (petani, penternak, nelayan, atau penyedia perkhidmatan teknologi atau syarikat peneraju) dalam penggunaan teknologi dan automasi ke arah Revolusi Industri Keempat (4IR) di dalam semua sektor pertanian dan industri makanan di sepanjang rantaian nilai agromakanan.

**2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

Program ini menggunakan konsep *Tawarruq* yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara langsung.

Seterusnya, pembeli bagi urusniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani. Melalui pembiayaan ini, pihak Bank akan membeli komoditi (minyak sawit mentah, plastik resin, *air time* atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh pembekal komoditi) daripada pembekal komoditi dengan harga kos (berdasarkan kepada jumlah pembiayaan).

Kemudiannya, pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan secara *Murabahah* iaitu harga kos ditambah keuntungan dengan bayaran tertangguh. Seterusnya, pihak Pelanggan melantik Bank sebagai wakil (*Wakalah*) untuk menjual komoditi tersebut pada harga kos secara tunai kepada pihak ketiga. Hasil jualan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai amaun pembiayaan yang dikehendaki oleh Pelanggan. Komoditi yang digunakan bagi tujuan transaksi *Tawarruq* tertakluk kepada broker komoditi.

**3. Apakah syarat kelayakan bagi program ini?**

Model	Pertanian Kontrak	Pertanian Bukan Kontrak
<b>Syarat Am</b>	i) Individu berumur 18 tahun (semasa permohonan) sehingga berumur 60 tahun (pada tempoh matang); ii) Individu dan bukan individu; iii) Bagi bukan individu, organisasi 51% hak milik warganegara Malaysia berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (perusahaan, perkongsian, Sdn Bhd) atau mana-mana agensi yang diluluskan oleh MAFI (seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia) yang beroperasi di Malaysia. iv) Perniagaan yang diusahakan adalah patuh Syariah. v) Penilaian kredit adalah berdasarkan penilaian Bank (CCRIS, CTOS, analisis kewangan, dll);	

***Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan***

	<ul style="list-style-type: none"> <li>vi) Tiada proses kebangkrapan atau dinyatakan muflis atau di bawah proses penghakiman.</li> <li>vii) Skala operasi yang setara sesuai bagi tujuan komersial (kesesuaian skala operasi tertakluk kepada jenis projek pertanian), sekiranya berkaitan.</li> <li>viii) Hasil/produk adalah bertujuan untuk penjualan domestik atau eksport.</li> <li>ix) Kegiatan perniagaan di bawah ruang/lot yang didaftarkan secara komersial menurut AKTA 172 (Bahagian IV Kawalan Perancangan, Seksyen 18) dan/atau tindakan yang relevan yang berkaitan dengan penggunaan tanah untuk pertanian.</li> <li>x) Teknologi yang akan digunakan berlandaskan Revolusi Industri Keempat (4IR) dan telah disahkan oleh Pengesah Teknologi atau Jawatankuasa Kerja.</li> <li>xi) Usahawan telah menjalani kursus/taklimat bersama syarikat peneraju atau Pengesah Teknologi atau syarikat pembekal teknologi, sekiranya perlu.</li> <li>xii) Perluasan perniagaan dengan penggunaan teknologi yang telah disahkan mestilah mampu meningkatkan produktiviti sektor pertanian.</li> </ul>		
<p><b>Syarat Khusus</b></p>	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Syarikat Peneraju; dan Kriteria syarikat peneraju mestilah memenuhi syara-syarat di bawah Program Berkelompok dan Ladang Kontrak.</li> <li>ii) Usahawan naungan: Usahawan naungan hendaklah telah menerima surat tawaran dari syarikat peneraju.</li> </ul> <p><u>Nota:</u> Sebelum permohonan pembiayaan oleh usahawan naungan dilaksanakan, syarikat peneraju mestilah telah menandatangani Perjanjian Rakaniaga Strategik bersama Bank.</p> </td> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <p><u>Pembekal Teknologi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Operasi perniagaan dalam bidang yang sama sekarang- kurangnya 3 tahun; dan/atau</li> <li>ii) Mempunyai maklumat pendaftaran syarikat SSM atau persijilan pengedar tunggal/ pengedar yang masih sah atau berkuatkuasa.</li> <li>iii) Pematuhan standard atau persijilan seperti SIRIM/ISO/MyGap adalah satu kelebihan.</li> </ul> <p><u>Usahawan (tidak terikat dengan syarikat peneraju)/ syarikat peneraju</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Operasi perniagaan dalam bidang yang sama sekarang- kurangnya 3 tahun;</li> <li>ii) *Sekiranya usahawan kurang dari 3 tahun, pengalaman pembekal teknologi yang memberikan khidmat nasihat, bantuan teknikal, dan juga perkhidmatan selepas jualan (<i>after</i></li> </ul> </td> </tr> </table>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Syarikat Peneraju; dan Kriteria syarikat peneraju mestilah memenuhi syara-syarat di bawah Program Berkelompok dan Ladang Kontrak.</li> <li>ii) Usahawan naungan: Usahawan naungan hendaklah telah menerima surat tawaran dari syarikat peneraju.</li> </ul> <p><u>Nota:</u> Sebelum permohonan pembiayaan oleh usahawan naungan dilaksanakan, syarikat peneraju mestilah telah menandatangani Perjanjian Rakaniaga Strategik bersama Bank.</p>	<p><u>Pembekal Teknologi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Operasi perniagaan dalam bidang yang sama sekarang- kurangnya 3 tahun; dan/atau</li> <li>ii) Mempunyai maklumat pendaftaran syarikat SSM atau persijilan pengedar tunggal/ pengedar yang masih sah atau berkuatkuasa.</li> <li>iii) Pematuhan standard atau persijilan seperti SIRIM/ISO/MyGap adalah satu kelebihan.</li> </ul> <p><u>Usahawan (tidak terikat dengan syarikat peneraju)/ syarikat peneraju</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Operasi perniagaan dalam bidang yang sama sekarang- kurangnya 3 tahun;</li> <li>ii) *Sekiranya usahawan kurang dari 3 tahun, pengalaman pembekal teknologi yang memberikan khidmat nasihat, bantuan teknikal, dan juga perkhidmatan selepas jualan (<i>after</i></li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Syarikat Peneraju; dan Kriteria syarikat peneraju mestilah memenuhi syara-syarat di bawah Program Berkelompok dan Ladang Kontrak.</li> <li>ii) Usahawan naungan: Usahawan naungan hendaklah telah menerima surat tawaran dari syarikat peneraju.</li> </ul> <p><u>Nota:</u> Sebelum permohonan pembiayaan oleh usahawan naungan dilaksanakan, syarikat peneraju mestilah telah menandatangani Perjanjian Rakaniaga Strategik bersama Bank.</p>	<p><u>Pembekal Teknologi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Operasi perniagaan dalam bidang yang sama sekarang- kurangnya 3 tahun; dan/atau</li> <li>ii) Mempunyai maklumat pendaftaran syarikat SSM atau persijilan pengedar tunggal/ pengedar yang masih sah atau berkuatkuasa.</li> <li>iii) Pematuhan standard atau persijilan seperti SIRIM/ISO/MyGap adalah satu kelebihan.</li> </ul> <p><u>Usahawan (tidak terikat dengan syarikat peneraju)/ syarikat peneraju</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Operasi perniagaan dalam bidang yang sama sekarang- kurangnya 3 tahun;</li> <li>ii) *Sekiranya usahawan kurang dari 3 tahun, pengalaman pembekal teknologi yang memberikan khidmat nasihat, bantuan teknikal, dan juga perkhidmatan selepas jualan (<i>after</i></li> </ul>		

**Program Modernisasi Rantaian Nilai Agromakanan**

		<p><i>sales service</i>) kepada boleh diambil kira; dan/atau</p> <p>iii) Mesti menghasilkan sekurang-kurangnya 2 kitaran aktiviti pertanian yang sama yang boleh dibuktikan melalui penyata rekod jualan atau dokumen berkaitan yang boleh diterima oleh Agrobank.</p>
--	--	--

**4. Apakah ciri-ciri program ini?**

Ciri-ciri program ini adalah seperti berikut:-

<b>Jumlah Harga Jualan</b>	RM _____																		
<b>Jumlah Pembiayaan</b>	RM _____																		
<b>Had Pembiayaan</b>	<p>Sehingga 100% daripada jumlah kos termasuk kos sampingan (contoh: takaful, duti setem, dan lain-lain) tertakluk kepada jumlah maksimum seperti yang berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Perusahaan Mikro</b></th> <th><b>Kontrak</b></th> <th><b>Bukan Kontrak</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Minimum</td> <td>RM10,000</td> <td>RM10,000</td> </tr> <tr> <td>Maksimum</td> <td>RM500,000</td> <td>RM500,000</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Perusahaan Kecil dan Sederhana</b></th> <th><b>Kontrak</b></th> <th><b>Bukan Kontrak</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Minimum</td> <td>RM30,000</td> <td>RM50,000</td> </tr> <tr> <td>Maksimum</td> <td>RM1,000,000</td> <td>RM1,000,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Amaun pembiayaan iaitu jumlah pembiayaan agregat bagi kedua-dua CAPEX dan/atau OPEX dan pembiayaan kepada PKS dengan pemegang saham yang sama dengan pegangan saham &gt;20% tidak boleh melebihi had pembiayaan maksimum yang ditetapkan untuk PKS dan Perusahaan Mikro.</p>	<b>Perusahaan Mikro</b>	<b>Kontrak</b>	<b>Bukan Kontrak</b>	Minimum	RM10,000	RM10,000	Maksimum	RM500,000	RM500,000	<b>Perusahaan Kecil dan Sederhana</b>	<b>Kontrak</b>	<b>Bukan Kontrak</b>	Minimum	RM30,000	RM50,000	Maksimum	RM1,000,000	RM1,000,000
	<b>Perusahaan Mikro</b>	<b>Kontrak</b>	<b>Bukan Kontrak</b>																
	Minimum	RM10,000	RM10,000																
	Maksimum	RM500,000	RM500,000																
	<b>Perusahaan Kecil dan Sederhana</b>	<b>Kontrak</b>	<b>Bukan Kontrak</b>																
	Minimum	RM30,000	RM50,000																
	Maksimum	RM1,000,000	RM1,000,000																
<b>Tempoh Pembiayaan</b>	<p>Sehingga sepuluh (10) tahun termasuk tempoh moratorium, tertakluk kepada jenis dan keperluan projek.</p> <p>Tempoh maksimum moratorium adalah 12 bulan.</p>																		
<b>Kadar Keuntungan</b>	3.5% setahun dikira atas baki bulanan																		

<b>Kriteria Teknologi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Jenis teknologi yang akan digunakan mestilah dikelaskan berteraskan 4IR dan telah disahkan/diulas oleh Pengesah Teknologi/ Jawatankuasa Kerja yang diiktiraf oleh Agrobank.</li> <li>(ii) Hanya pembekal teknologi yang disahkan oleh Pengesah Teknologi/ Jawatankuasa Kerja dapat membekalkan infrastruktur teknologi.</li> <li>(iii) Sekiranya teknologi belum mendapat ulasan atau pengesahan daripada Pengesah Teknologi/ Jawatankuasa Kerja, usahawan/ pembekal teknologi hendaklah mengemukakan kepada MAFI melalui email (<a href="mailto:admin.bpp@mafi.gov.my">admin.bpp@mafi.gov.my</a>) untuk mendapatkan pengesahan teknologi sebelum membuat permohonan kepada Agrobank.</li> <li>(iv) Pemohon hendaklah mendapatkan dokumentasi berkaitan seperti pengesahan teknologi/ pensijilan/ laporan / sebutharga sebelum memulakan permohonan di Agrobank.</li> <li>(v) Sekiranya pemohon membangunkan teknologi sendiri (mempunyai projek rintis) dan ingin mendapatkan kemudahan pembiayaan, sila hubungi (<a href="mailto:admin.bpp@mafi.gov.my">admin.bpp@mafi.gov.my</a>) untuk proses penilaian teknologi.</li> </ul>
---------------------------	--

**5. Apakah tanggungjawab saya?**

- Melaksanakan akad untuk transaksi *Tawarruq*.
- Membuat bayaran pembiayaan sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Surat Tawaran.
- Ansuran bulanan anda: RM\_\_\_\_\_.
- Jumlah keseluruhan pada akhir tahun ke \_\_\_\_\_ (tahun) adalah sebanyak RM\_\_\_\_\_.

**6. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?**

Jenis Fi dan Caj	Keterangan Fi dan Caj
<b>Duti Setem</b>	Seperti yang termaktub di bawah Akta Setem 1949 (Akta 378).
<b>Sumbangan Takaful</b>	Tertakluk kepada jumlah pembiayaan yang diluluskan
<b>Fi Pembrokeran</b>	RM7.00 bagi setiap RM1,000,000 jumlah pembelian komoditi
<b>Caj Guaman dan Pembayaran</b>	Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi pembiayaan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebangkrutan/muflis (sekiranya berkenaan)
<b>Fi Pensijilan Teknologi</b>	Tertakluk kepada <i>Technology Validator</i> yang diiktiraf oleh Bank atau Jawatankuasa Kerja, sekiranya berkenaan.
<b>Fi Jaminan SJPP/CGC</b>	Bank boleh mengenakan jaminan SJPP/CGC, seperti yang difikirkan perlu berdasarkan keperluan/penilaian oleh Bank. Yuran jaminan (jika ada) akan ditanggung oleh pelanggan dan bayaran boleh dibuat melalui potongan daripada jumlah pembiayaan.

**Nota:**

- Dari semasa ke semasa, pihak Bank akan memaklumkan Pelanggan sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan (jika berkenaan) sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan.
- Sekiranya berkenaan, fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST") sebanyak 6% (atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh pihak berkenaan).

**7. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?**

- Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (*Ta'widh*) daripada Pelanggan ke atas kerugian yang dialami oleh pihak Bank akibat Pelanggan lewat/gagal membayar ansuran, baki Harga Jualan atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang kena dibayar kepada pihak Bank dikira dari tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) seperti mana berikut:
  - i. Sebelum tarikh matang, *Ta'widh* yang dikenakan adalah pada kadar 1% setahun ke atas jumlah bayaran tertunggak dikira secara harian.
  - ii. Selepas tarikh matang dan penghakiman, *Ta'widh* yang dikenakan adalah pada kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) ke atas keseluruhan jumlah baki tertunggak seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang sekiranya Pelanggan gagal untuk mematuhi notis peringatan yang diberikan oleh pihak Bank.
- Bank juga berhak untuk menyemak semula dan menamatkan kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada Pelanggan dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan apabila berlaku sebarang kejadian kemungkiran sepertimana dipersetujui di dalam terma-terma dan syara-syarat kemudahan pembiayaan.

**8. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?**

Rebat (*Ibra'*) akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan berikut:-

- i. Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan;
- ii. Pelanggan membuat penjelasan pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstrukturan pembiayaan;
- iii. Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keterhutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;
- iv. Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan pembatalan atau penamatan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Jumlah rebat/*ibra'* pada masa penyelesaian awal sebelum tarikh matang adalah seperti berikut:

*Ibra'* pada masa penyelesaian = Keuntungan tertangguh

**9. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?**

Pelanggan digalakkan untuk mengambil Skim Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keterhutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Pembayaran boleh dibuat melalui potongan daripada jumlah pembiayaan. Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki pembiayaan semasa sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini. Bagi menjaga kepentingan Bank dan Pelanggan, pelantikan panel Takaful adalah amat digalakkan. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah dibenarkan untuk memilih penyedia Takaful bukan panel.

**Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 | 811810-U))****Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan**

Pelanggan juga digalakkan untuk mengambil *All Risk Takaful* seperti *Equipment All Risk Coverage* (bagi mesin dan peralatan) bagi melindungi kerosakan peralatan yang dibiayai.

**10. Apakah risiko utamanya?**

- Tindakan undang-undang akan diambil jika Pelanggan gagal untuk menjelaskan keterhutangan selepas notis tuntutan dikeluarkan oleh pihak Bank. Pelanggan bertanggungjawab untuk menanggung kesemua kos yang terlibat.
- Sekiranya Pelanggan tidak membalas emel, faks atau mana-mana medium akad yang dinasihatkan oleh pihak Bank, Pelanggan berisiko untuk gagal memperolehi pembiayaan sebagaimana yang dipohon. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk menjawab akad tersebut melalui medium akad yang telah dinasihatkan oleh pihak Bank (jika berkenaan).

**11. Adakah saya memerlukan jaminan atau cagaran?**

Boleh terpakai. Tertakluk kepada penilaian kredit pelanggan oleh Bank.

**12. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat perhubungan anda, sila hubungi:

•Tel : 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 •Emel : [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?**

- Jika anda mempunyai sebarang masalah dalam menjelaskan pembayaran anda, sila hubungi pihak Bank terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif bayaran pembiayaan. Anda boleh menghubungi pihak Bank di:  
Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.  
• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • Emel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)
- Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh BNM untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:  
Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra-commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.  
• Tel: 03-2616 7766 • Emel: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi kami di:  
Client Relationship Management, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.  
• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • Emel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)
- Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi BNM LINK atau TELELINK di:  
Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur  
• Tel: 1-300-88-5465 • Faks: 603-2174 1515 • Emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**14. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Bagi mendapatkan maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila kunjungi cawangan Agrobank berdekatan, atau hubungi kami di:

Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.

**MAKLUMAT LAIN**

- Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat Program ini adalah sah pada tarikh notis.
- Pelanggan dinasahati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini.
- Pelanggan perlu membalas emel, faks atau mana-mana medium akad yang dinasihatkan oleh pihak Bank sebagai akad jual beli untuk melengkapkan transaksi *Tawarruq* (jika berkenaan).

**NOTA PENTING :**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN PEMBIAYAAN BAGI PROGRAM MODENISASI RANTAIAN NILAI AGROMAKANAN ANDA.**

**Penafian:**

Terma dan syarat di dalam Lembaran Maklumat Program ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan.

Sila ambil maklum bahawa semua maklumat yang dizahirkan di bawah dokumen ini perlu diproses mengikut undang-undang yang berkaitan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sila rujuk Polisi PDP kami yang boleh didapati di laman sesawang kami di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) atau anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.

Saya/Kami dengan ini mengaku menerima dan memahami kandungan Lembaran Maklumat Program seperti yang telah diterangkan kepada saya/kami.		
Tandatangan	:	
Nama	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Tarikh	:	